

71 Pelajar Mobiliti China Tamatkan Pengajian di UMS

Terakhir dikemaskini: Rabu, 25 September 2019 17:38 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 44

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


KHAMIS 19 SEPTEMBER:
Seramai 71 pelajar mobiliti dari negara China berjaya menamatkan pengajian di selama satu semester Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula Jun – September 2019.

Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Dr. Ho Chong Mun berkata, kesemua mereka diraikan dalam satu Majlis Penganugerah Sijil Pelajar Mobiliti yang berlangsung di salah sebuah restoran terkemuka di Kota Kinabalu.

“Daripada jumlah itu, 58 daripadanya merupakan pelajar dari Changsha University Science and Technology, China yang menyaksikan mereka berjaya menamatkan pengajian dalam beberapa program kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan UMS.

“Manakala 13 yang lain merupakan pelajar dari Hunan University of Chinese Medicine, China yang telah mengikuti program mobiliti dalam program Kejururawatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UMS,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penganugerahan sijil kepada semua pelajar China, pada Selasa.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Wilayah Hunan, China, Wang Guishu dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMS Prof. Dr. Rasid Mail.

Menurut Prof. Dr. Ho Chong Mun, pihak UMS turut mengucapkan tahniah kepada semua pelajar mobiliti atas kejayaan menamatkan pengajian selama satu semester berada di UMS.

“Kita juga merasa terharu dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana sempena majlis ini, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Wilayah Hunan turut hadir bagi menyokong program mobiliti kedua-dua universiti ini di UMS,” katanya.

Menyentuh mengenai penganjuran program tersebut yang berkonsepkan makan malam santai beliau berkata, ia bertujuan untuk menyemarakkan semangat kerjasama, mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan sekali gus bertukar-tukar idea di samping mempelajari budaya antara negara.

Selain itu, ia juga sebagai medan untuk mengeratkan hubungan sesama pelajar mobiliti di UMS di samping membentuk nilai harmoni dan dinamik dalam kalangan pelajar.

Majlis turut diserikan dengan persembahan koir dan tarian sumazau dari pelajar mobiliti China